

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam *Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective*

Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin, Azlin Alisa Ahmad ✉

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Tanah adat di Negeri Sembilan berasaskan adat perpatih yang mesti dikekalkan secara turun temurun secara warisan dan jagaan wanita, maka tidak boleh dijual beli. Namun, apabila berlaku pengambilalihan oleh kerajaan maka timbul persoalan apakah ia dibenarkan oleh undang-undang dan juga hukum syarak. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti status tanah adat yang telah bertukar taraf dari perspektif perundangan dan hukum. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa pengambilan tanah adat di Negeri Sembilan oleh pihak kerajaan adalah dibenarkan dari segi undang-undang. Begitu juga dengan hukum adat kerana ia boleh berubah setelah mendapat persetujuan Ketua Adat dan ahli suku yang lain. Dari segi hukum syarak, ia juga dibolehkan jika dilakukan oleh pemerintah kerana tindakannya adalah berasaskan kemaslahatan rakyat dan negara.

KATA KUNCI

Perubahan status, adat, tanah adat, perspektif Islam

ABSTRACT

The customary land in Negeri Sembilan is based on Adat Perpatih must be retained based on the adat under the possession of women, thus it should not be sold. The issue arises if it is taken over by the Government whether it is permitted by the law as well as Islamic jurisprudence. Therefore, the objective of this article is to identify the status of customary land which has been changed from the legal and Islamic perspective. This study is a qualitative study using case study approach. Data collection is done through document analysis method. The result shows that the acquisition of land in Negeri Sembilan by the Government is permitted by the law. Similarly, customary law can be changed after the approval of a custom head and the other members of the tribe. In Islamic law perspective, it is also permissible if it is done by the Government as the action is based on the nation's interest.

KEYWORDS

Change Status, Customary, Customary Land, Islamic Perspective

Article History

Received: August 21, 2022
Revised: September 30, 2022
Accepted: October 3, 2022
Published: December 15, 2022

✉ Contact

Azlin Alisa Ahmad
(Corresponding Author)
azlinalisa@ukm.edu.my

Citation

Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin, Azlin Alisa Ahmad. 2022. Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 7(2): 1-10.

Copyright

© 2022 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENDAHULUAN

Penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu telah membuka negeri-negeri baru seperti di kawasan Nanning dan Negeri Sembilan (Azzal Abu Talib 1992). Kedatangan mereka turut membawa masuk amalan adat yang telah mereka amalkan ke Tanah Melayu. Khalid Bonget (2010) menyatakan antara amalan adat yang dibawa masuk ke Tanah Melayu ialah amalan adat perpatih. Menurut Rosiswandy Mohd Salleh (t. th), adat perpatih diambil sempena nama Datuk Perpatih Nan Sebatang, orang yang bertanggungjawab dalam

menyusun dan membuat peraturan-peraturan dalam adat perpatih.

Dari segi sejarah, adat perpatih berasal daripada masyarakat Minangkabau yang datang berhijrah ke Tanah Melayu dan diamalkan sehingga kini (Mualimin Mochamad et al. 2017). Dalam amalan adat perpatih, nama suku, gelaran, dan harta pusaka diturun dan diwariskan mengikut susur galur keturunan ibu. Dalam erti kata lain, ianya lebih mendahulukan kaum perempuan (Fazliyana Aliyas 2009). Begitu juga dalam pewarisan tanah adat mereka.

Merujuk kepada Enakmen Pegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 telah mewartakan bahawa tanah adat ialah hak milik pejabat tanah dan diwarisi secara turun-temurun di bawah warisan suku kaum yang sama secara berkelompok. Kemudian, dalam pendaftaran sijil daftar tanah adat tercatat nama suku hanya diamalkan oleh sebahagian masyarakat di Negeri Sembilan dan Melaka (Izawati Wook et al. 2017).

Aspek utama dalam pengamalan pewarisan pusaka tanah adat ialah dari segi mengutamakan kaum perempuan terutama dalam mewarisi tanah tersebut (Muhammad Aunurrochim et al. 2017 & Nabilah Yusoff et al. 2017). Ini bertujuan menjaga hak kaum perempuan terpelihara dan menjamin kehidupan mereka pada masa akan datang (Muhammad Aunurrochim et al. 2017).

Aspek kedua dalam amalan adat perpatih ini jenis harta yang diberi pusaka hanyalah harta jenis tanah sahaja. Dalam amalan adat perpatih terdapat beberapa pembahagian jenis harta yang turut menjadi amalan mereka seperti tanah bawaan, tanah harta sepencarian dan tanah bujang (Nabilah Yusoff et al. 2017). Kesemua jenis harta ini masih berlandaskan dengan pembahagian hukum Islam dengan membahagikan harta ini mengikut pembahagian secara fariad. Namun, yang menjadi keistimewaan adat perpatih hanyalah kepada tanah adat yang memang sejak daripada dahulu menjadi tanah pusaka warisan yang hanya akan diberikan kepada kaum perempuan (Azima Manaf 2016). Tanah adat ini yang menjadi perdebatan sehingga kini antara kalangan sarjana tentang kedudukan status sebenar tanah adat tersebut sama ada berlandaskan hukum Islam ataupun sebaliknya.

Ketiga, dari aspek pelaksanaan pewarisan tanah adat. Pelaksanaan dijalankan semasa hidup pemilik tanah adat yang terkini. Maksudnya, dari sudut pelaksanaan nama-nama pemilikan dan hak pewarisan tanah adat telah ditentukan oleh ketua adat mengikut susur galur keturunan perempuan sebelah ibu (Rosisyandy Salleh t.th). Oleh itu, pewarisan ini telah ditetapkan terlebih dahulu semasa tempoh hayat pemilik yang terkini siapa yang berhak mewarisi setelah pemilik tersebut meninggal dunia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pengambilan tanah oleh pihak kerajaan merupakan suatu yang normal berlaku. Kerajaan akan mengambil mana-mana tanah dengan mengambil kira faktor-faktor tertentu. Berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 dalam seksyen 3 menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri (PBN) berkuasa untuk mengambil mana-mana tanah yang diperlukan sama ada melalui orang persendirian atau badan bertujuan dengan maksud untuk kegunaan awam atau mana-mana pendapatannya memberi keuntungan kepada

pembangunan ekonomi negara atau kepada orang awam secara am (Noor Ashikin Hami et.al 2011).

Kepesatan dan kemajuan negara menyebabkan banyak tanah-tanah milik individu diambil alih bagi tujuan perindustrian dan pembangunan ekonomi negara. Pengambilalihan tersebut termasuklah tanah adat di Negeri Sembilan kerana berada berdekatan dengan pusat Bandaraya Kuala Lumpur serta negeri Selangor, maka ia berpotensi untuk dibangunkan untuk perindustrian dan pembinaan jalan raya bagi perhubungan.

Sebahagian tanah adat yang diambil alih itu juga merupakan tanah terbiar kerana terdiri daripada jenis tanah yang tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti pertanian (Muhammad Sharip Othman 2016). Terdapat banyak tanah adat yang terbiar di Negeri Sembilan, iaitu di daerah Jebebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin dan Rembau (Abd Hamid 2017; NorHalim 1990). Contohnya, pengambilan tanah adat untuk pembangunan berlaku di Rembau bagi pembinaan landasan kereta api (KTMB) dan di kawasan Ulu Bendul bagi membesarkan jalan laluan dari Seremban ke Kuala Pilah (Berita Harian 2006).

Namun demikian, tanah adat di Negeri Sembilan berasaskan adat perpatih yang mempunyai peraturan tertentu. Pewarisan tanah adat hanya diberi nama kepada kaum wanita sahaja, sementara lelaki tiada hak dalam daftar dan mencatatkan nama mereka dalam geran tanah namun mereka masih tetap mempunyai hak dalam pengurusannya. Mereka juga mempunyai hak untuk menggunakan manfaat tanah adat bersama. Tujuan pewarisan diberikan kepada kaum wanita demi menjaga kemaslahatan dan melindungi kaum wanita bagi mengelakkan kehidupan mereka terabai (Makiah Tusaripah & Jamaliah 2016).

Sebagai penama, mereka tiada hak dalam melakukan transaksi tanah tersebut sama ada dengan menjual atau menggadainya kepada pihak ketiga. Dalam seksyen 3 *Enakmen Pemegangan Adat Bab 215* telah menyatakan bahawa tanah yang telah dicatatkan sebagai "customary land" tidak boleh dijual, digadai, dipindah milik, diwariskan kepada suku yang lain kecuali mengikut kepada peraturan adat (Nadzan Haron 1992). Jabatan Mufti Negeri Sembilan (2016) merumuskan bawah tanah adat merupakan milik suku dan ia bukan milik peribadi. Oleh itu, pemilikan tanah adat tidak boleh menjalankan aktiviti penjualan mahupun menggadai tanah adat tersebut tanpa persetujuan dengan hukum peraturan adat.

Namun demikian, jika kerajaan mengambil alih tanah adat tersebut, timbul beberapa persoalan antaranya, status perubahan taraf tanah tersebut sama ada bertentangan secara mutlak dengan hukum adat atau perundangan sedia ada. Begitu juga status sebenar tanah adat tersebut sama ada perlu diganti atau tidak.

KAJIAN LITERATUR

Kedatangan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu seperti di Nanning dan Negeri Sembilan mereka telah membawa masuk amalan adat yang telah mereka amalkan sejak turun temurun. Sehingga kini, adat yang masih kekal diamalkan di Negeri Sembilan ialah amalan adat perpatih. Adat perpatih yang diamalkan lebih mengutamakan kaum perempuan dengan tujuan menjaga hak wanita sekiranya mengalami perceraian, kematian suami, seterusnya membantu menjaga hubungan kekeluargaan antara ahli suku yang lain. Selain itu, amalan adat perpatih ini juga bertujuan menjaga harta tanah adat yang diwarisi daripada dijual atau digadai kepada orang luar kerana bagi mengekalkannya sepanjang zaman.

Tanah adat dari sudut undang-undang ialah mana-mana hak milik tanah yang telah didaftarkan dengan perkataan *customary land*, tanah warisan atau tanah pusaka di pejabat tanah (Nor Halim 1984). Istilah *customary land* ke atas tanah adat diletakkan bertujuan untuk memudahkan pihak pentadbir British dalam urusan memungut cukai. Kemudian Nadzan Haron et al. (2010) hak milik tanah yang diendoskan perkataan *customary land* merupakan tanah adat yang sah.

Nabilah Yusof et. al. (2017) telah mengkaji amalan pewarisan tanah adat berdasarkan undang-undang tanah adat di kalangan masyarakat di Negeri Sembilan menyatakan bahawa konsep tanah adat adalah berbeza dengan konsep tanah yang lain seperti konsep tanah rizab Melayu. Adat Perpatih membahagikan jenis harta kepada empat bahagian; Pertama, tanah bawaan, iaitu tanah yang diberikan kepada wanita sebelum mereka mendirikan rumah tangga. Sekiranya wanita tersebut telah bercerai mahupun kematian suami, tanah tersebut akan dikembalikan semula kepada wanita tersebut. Kedua, ialah tanah dapatan iaitu tanah yang dicari atau diperolehi oleh lelaki sewaktu mereka masih bujang. Dan sekiranya lelaki tersebut kematian isteri mahupun bercerai, tanah tersebut akan dikembalikan semula kepada lelaki. Ketiga ialah jenis tanah carian suami isteri atau dikenali dengan harta sepencarian iaitu harta yang dimiliki bersama oleh suami dan isteri (Othman Ishak 1982). Keempat ialah tanah pusaka atau dikenali sebagai tanah adat. Tanah ini adalah tanah milik suku dan hanya diwarisi oleh keturunan dan nasab sebelah perempuan sahaja (Nadzan Haron 1992).

Pada asalnya amalan perwarisan tanah adat berasaskan ikutan kepercayaan amalan nenek moyang mahupun melalui kepercayaan kata-kata perbilangan atau pun pepatah. Namun demikian, setelah kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu telah membawa perubahan dengan memperkukuh dan mengatur aturan adat yang telah sedia ada diamalkan dengan mewujudkan sebuah peruntukan enakmen yang telah diamalkan sehingga kini (Azima Abd Manaf 2006).

Dalam kajian Izawati Wook et. al. (2017), perubahan ke atas undang-undang tanah adat yang dahulunya hanya sebuah adat yang diamalkan melalui lisan dan tidak bertulis namun kini telah dikanunkan dalam bentuk sebuah undang-undang yang bertulis juga telah disokong dengan Peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang ini secara khususnya memberi ruang kepada pemilik-pemilik tanah adat dapat mendatarkan tanah mereka dengan sistem pendaftaran yang lebih tersusun dan sistematik. Ini merupakan satu cara bagi memelihara pemilikan tanah adat perpatih agar tidak hilang ditelan zaman.

Berdasarkan kajian lepas, didapati bahawa kajian-kajian lepas lebih menumpukan kajian terhadap sistem pembahagian harta dalam adat perpatih. Sehingga kini, belum ada kajian yang mengkhususkan kajian adat perpatih dari aspek masalah.

Meskipun amalan pewarisan pusaka tanah adat telah diamalkan sejak berzaman di Negeri Sembilan, namun sehingga kini masih tiada lagi undang-undang khusus diwujudkan berkaitan dengan pengambilan tanah adat. Oleh itu, Akta Pengambilan Tanah 1960 juga menjadi sumber undang-undang yang dirujuk dan dipakai oleh seluruh negeri bagi mencapai keseragaman dalam mengatasi masalah pengambilan tanah (Roslan Ismail 2000).

Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diguna pakai dan menjadi sumber rujukan buat semua negeri termasuk Negeri Sembilan khususnya dalam prosedur pengambilan balik tanah bagi tujuan keseragaman. Ini kerana perbincangan mengenai pengambilan balik tanah hanya diperuntukkan melalui akta tersebut. Proses pengambilan tanah dilaksanakan mengikut tiga keadaan iaitu pra-pengambilan, pengambilan dan pasca atau selepas pengambilan (Mohd Fakhrullah 2019).

a. Pra-Pengambilan

Dalam peringkat pra-pengambilan ini terdapat gerak kerja penting dilaksanakan terlebih dahulu iaitu permohonan, pemeriksaan dan peng wartaan tanah yang hendak diambil alih. Permohonan bagi pengambilan balik tanah boleh terus dibuat kepada Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Negeri di mana terletaknya tanah tersebut. Setelah selesai permohonan pengambilan balik tanah diusulkan, pemeriksaan ke atas tanah tersebut terlebih dahulu perlu dibuat siasatan bagi memastikan kesesuaian tanah diperiksa sebelum sesuatu projek dijalankan ke atasnya. Oleh itu, seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bersama pemberitahuan dalam Borang A hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Di samping itu, Pentadbir Tanah pula hendaklah menyiarkan atau menampal notis dalam Borang A di tempat awam atau di tempat tertentu sebagai pemberitahuan bahawa pengambilalihan tanah berlaku ke atas tanah tersebut (Wafaa' Yusof et al 2008).

Namun, sekiranya penyiataan secara terperinci perlu dilaksanakan maka Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh mengeluarkan surat kebenaran dalam Borang B sebagai kebenaran dan keizinan kepada mana-mana orang atau pegawai tanah untuk memasuki tanah tersebut bagi menjalankan kajian kesesuaian ke atas tanah tersebut. Seterusnya, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan bersama Borang C dan Borang D yang mengandungi senarai lot tanah, keluasan tanah yang di ambil, pelan pengambilan dan nama pemilik tanah yang terlibat. Dan sekiranya tiada isu atau masalah yang timbul, maka permohonan pengambilan tanah diteruskan dengan mengisytiharkan pengambilan tanah tersebut berdasarkan kepada seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Mohd Fakhruallah 2019). Menurut Mohd Fakhruallah (2019) pengisytiharan bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 hendaklah disiarkan sekali dalam Warta Kerajaan Negeri dengan menggunakan Borang D.

Kemudian, berdasarkan seksyen 9 Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir Tanah bertanggungjawab menandakan kawasan yang terlibat dengan pengambil alihan serta dikehendaki membuat nota tentang pengambilan tanah di atas dokumen hak milik yang berkenaan (Roslan Ismail 2000).

b. Pengambilan

Setelah selesai peringkat pra-pengambilan tanah, merujuk kepada seksyen 10 Akta Pengambilan Tanah 1960 menyatakan bahawa Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis awam dalam Borang E. Kandungan dalam notis awam Borang E mengandungi penetapan tarikh siasatan, masa dan tempat bagi mendengar segala tuntutan pampasan ke atas tanah yang terlibat (Roslan Ismail 2000; Wafaa' Yusof et al. 2008).

Menurut kajian Mohd Fakhruallah (2019) bagi pengambilan tanah adat berdasarkan kepada seksyen 10 Akta Pengambilan Tanah 1960 ini, Pejabat Tanah memainkan peranan penting. Pejabat Tanah akan bertanggungjawab bagi mencari pewaris atau tuan tanah adat yang terlibat dengan pengambil alihan untuk menjalankan perbincangan. Dalam keadaan ini, Pejabat Tanah yang akan mengenal pasti suku mana yang terlibat dan juga untuk memanggil Dato' adat yang terlibat dalam pengambil alihan tanah adat tersebut. Semasa perbincangan dijalankan, Dato' adat memainkan peranan sebagai saksi dan bertanggungjawab untuk membuat catatan nota mengenai maklumat yang didengari sebagai maklumat untuk undang luak kawasan masing-masing.

Pada peringkat ini, Pentadbir Tanah boleh menunda atau menangguhkan siasatan perbincangan dari masa ke semasa. Namun, sebab penundaan atau penangguhan yang dijalankan hendaklah direkodkan oleh Pentadbir Tanah (Wafaa' Yusoff et al. 2008). Dalam situasi pengambilan tanah adat pula mungkin akan wujud beberapa sebab penangguhan diperlukan. Mohd Fakhruallah (2019) menyatakan sebab

penangguhan berlaku apabila proses pengambilan tanah yang melibatkan banyak pihak daripada suku berlainan dan Dato' Lembaga. Oleh itu, dalam situasi ini menimbulkan kesukaran kepada Pentadbir Tanah untuk mengumpulkan kesemua tuan tanah beserta Dato' Lembaga pada masa yang sama. Disebabkan itu, ia mengambil masa dan tempoh yang lama bagi penentuan status tanah adat.

Kemudian menurut Wafaa' Yusof et al. (2008) seksyen 13 Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk mendapatkan laporan bertulis mengenai nilai tanah, mentadbir sumpah mengenai dokumen yang berkaitan seperti dokumen hakmilik keluaran dan dokumen-dokumen lain untuk membuktikan hak milik, dan memanggil atau memeriksa saksi-saksi terlibat.

Berdasarkan seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah 1960, setelah selesai membuat siasatan Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan waran bertulis dalam Borang G bagi tanah yang terlibat dengan pengambil alihan beserta dengan menyatakan sekali jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada orang-orang berkepentingan. Setiap waran bertulis ini hendaklah disimpan dan difailkan untuk dijadikan sebagai bukti muktamad yang mengikat keputusan daripada Pentadbir Tanah (Wafaa' Yusof et al. 2008). Setelah waran bertulis tersebut dilaksanakan, Pentadbir Tanah hendaklah membuat tawaran pampasan sepertimana dalam Borang H kepada setiap tuan tanah yang terlibat.

Berdasarkan seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah 1960 pemilikan tanah secara rasmi dikeluarkan dengan mengeluarkan notis Borang K untuk disampaikan kepada penduduk tanah sama ada penyampaian secara sendiri atau dipos sekiranya penduduk tanah tersebut tidak dijumpai. Seterusnya setiap satu Salinan juga dibuat untuk disampaikan kepada orang yang berkepentingan dan juga satu Salinan disampaikan kepada pihak berkuasa pendaftaran untuk diendorskan dalam hak milik tanah yang terlibat (Noor 'Ashikin et al. 2011).

Proses penarikan balik dalam peringkat pengambilan hanya boleh dilakukan sebelum Borang K didaftarkan sebagai hak milik. Berdasarkan seksyen 35 Akta Pengambilan Tanah 1960 penarikan balik tanah dalam peringkat pengambilan boleh dilaksanakan dan hendaklah diisytiharkan dalam Warta Kerajaan. Kesan daripada penarikan ini, Pentadbir Tanah yang akan bertanggungjawab menentukan jumlah pampasan yang harus dibayar sekiranya terdapat sebarang kerosakan yang berlaku pada tanah tersebut (Wafaa' Yusof et al. 2008).

c. Selepas Pengambilan

Sekiranya pengambilan balik tanah melibatkan sebahagian daripada lot tanah, Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan permohonan ukur kepada Jabatan Ukur supaya baki lot tanah itu diukur semula. Selain itu, pindaan cukai atas keluasan baki lot tanah yang tidak diambil perlu dibuat anggaran mengikut keluasan tanah yang tidak diambil dan perlu dibayar

pada tahun hadapannya. Selepas baki lot diukur, bagi tanah yang dipegang bawah hak milik kekal, Pejabat Ukur akan mengeluarkan hak milik sambungan untuk diserahkan kepada Pentadbir atau Pendaftar Tanah (Wafaa' Yusof et al. 2008).

Kemudian, menurut Wafaa' Yusof et al. (2008) berdasarkan seksyen 36 Akta Pengambilan Tanah 1960 rujukan ke Mahkamah dengan menggunakan Borang M boleh dilakukan sekiranya Pentadbir Tanah mengalami masalah sama ada dalam menentukan kesahihan sesuatu hak milik atau orang yang layak menerima pampasan. Sekiranya berlaku situasi begini, Pentadbir Tanah hendaklah berusaha mendapatkan perintah daripada Mahkamah sebelum tamat tempoh pewartaan seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 iaitu dua tahun tempoh bagi membolehkannya membuat tawaran pampasan.

Dibawah seksyen 37 APT 1960 menyatakan bahawa mana-mana orang yang berkepentingan ke atas tanah boleh membuat bantahan terhadap empat perkara iaitu jumlah pampasan, pembahagian pampasan, siapa yang layak untuk menerima pampasan dan nilai ukuran tanah.

Proses dan prosedur pengambilan balik tanah adat di Negeri Sembilan dijalankan dengan merujuk kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 sepenuhnya. Hasil temubual bersama pegawai tanah adat Kuala Pilah Muzaiyah Mazlan (2019). Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diguna pakai yang mana suatu akta berhubungan dengan pengambilan tanah dan pentaksiran pampasan yang hendak dibuat kerana pengambilan dan perkara-perkara yang lain bersampingan dengannya turut dirujuk sekiranya pengambilan alihan tanah turut dijalankan ke atas tanah adat di Negeri Sembilan. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan 1986) Para 1(2A) menyatakan: "Tanah Simpanan Melayu, Tanah Pegangan Melayu dalam negeri Terengganu, atau Tanah Adat dalam Negeri Sembilan atau negeri Melaka, hendaklah diberi penilaian yang sama dengan tanah-tanah lain, seolah-olahnya ianya bukan Tanah Simpanan Melayu, atau Tanah Pegangan Melayu atau Tanah." (Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/1986)

Mohd Fakhruallah (2019) menyatakan dalam kajiannya bahawa pengambilan tanah adat adalah dibenarkan oleh Dato' Lembaga sekiranya tujuan pengambil alihan tanah tersebut untuk pihak Kerajaan bagi kemudahan dan kegunaan awam. Oleh itu, dengan kewujudan akta pengambilan tanah 1960 ini telah memudahkan proses pengambilan tanah adat daripada tertangguh tanpa ada tujuan di samping membantu mengurangkan jumlah tanah adat yang terbiar dengan mengamalkan konsep *ihya' al-mawat* ke atas tanah adat tersebut (Mohd Sobrie Nasri & Mohd Sopiee 2018).

PENGAMBILAN TANAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam Islam pada prinsipnya, tidak boleh mengambil sesuatu milik orang lain termasuklah tanah dan lain-lainnya kecuali dengan kebenaran atau izin pemilik. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2:188) yang bermaksud:

Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.

Berdasarkan ayat di atas, harta milik individu tidak boleh diambil atau digunakan sewenang-wenangnya kecuali dengan cara dan alasan yang dibenarkan oleh syarak. Dalam hal ini kaedah fiqh menyatakan: "tidak harus seseorang mengambil harta orang lain tanpa sebab syarie" (Majallah al-Ahkam al-Adiliyyah perkara 97). Namun demikian, hukum ini jika melibatkan seseorang individu dengan individu yang lain atau individu dengan entiti atau perbadanan tertentu, selain pemerintah. Bagi pemerintah, hukumnya berbeza kerana pemerintah adalah ketua negara dan boleh bertindak apa sahaja asalkan demi kemaslahatan kepada rakyat. Setiap tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah berdasarkan kemaslahatan (al-Suyuti 1983)

Setiap arahan dan ketetapan daripada pemerintah adalah wajib dipatuhi dan ditaati, berdasarkan firman Allah SWT (Surah al-Nisa': 59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Menurut ulama, terdapat beberapa keadaan yang membolehkan kerajaan mengambil balik dan melucutkan hak milik individu walaupun secara paksaan atau tanpa kebenaran tuannya (Ridzuan Awang 1994). Pertama, pengambilan tanah secara paksaan dibenarkan bagi pihak kerajaan untuk mengambil harta milik orang yang berhutang untuk menjelaskan hutang-hutang mereka itu. Dan kedua, pengambil alihan tanah secara paksa iaitu mengambil atau membeli harta tak alih dengan cara *shuf'ah*. Menurut Madkur (1969) *shuf'ah* ialah hak untuk memiliki harta tak alih yang telah dijual daripada pembelinya walaupun secara paksaan dengan membayar harta tak alih tersebut beserta kos perbelanjaan yang lain.

Ketiga, ialah pengambilan tanah secara paksaan demi kepentingan umum atau dikenali sebagai *maslahah 'ammah*. Tujuan pengambilan tanah untuk

kepentingan umum dilaksanakan seperti untuk memperluaskan jalan raya atau sungai, hospital, masjid, dan jambatan (Wafaa' Yusof et al. 2008). Pengambilan balik tanah demi kepentingan umum diharuskan dalam Islam berdasarkan kepada amalan Rasulullah SAW, amalan khulafa' al-Rasyidin dan amalan para sahabat Rasulullah. Selain itu, menurut Ridzuan Awang (1994) mengambil tanah untuk kegunaan umum terdapat beberapa syarat yang wajib dipenuhi. Syarat pertama menyatakan bahawa pengambilan tanah tersebut perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan atau wakilnya. Kedua, hendaklah berasaskan kemaslahatan umum yang benar-benar wujud dan berlaku. Syarat ketiga ialah bayaran pampasan perlu dibayar kepada tuan tanah secara adil dengan kadar segera dan berpatutan mengikut nilai harga tanah semasa.

Selain daripada itu, pemerintah boleh mengambil tanah bagi menghidupkan tanah yang terbiar dengan mengamalkan konsep *ihya' al-mawat* iaitu menghidupkan tanah yang mati, *tahjir* dan *Iqta'*. (Mohd Sabree & Mohd Sopiee 2018; Ridzuan Awang 1994). Menurut al-Shalabi (2010) *ihya' al-mawat* ialah menjadikan tanah itu bermanfaat dengan menjalankan aktiviti bercucuk tanam atau pembinaan bangunan dan seumpamanya. Menurut Ridzuan Awang (1994) mana-mana individu yang meneroka dan membangunkan sesebuah tanah *al-mawat*, tanah tersebut diiktiraf oleh pemerintah sebagai hak miliknya dan tiada siapa yang boleh menghapuskan hak tersebut.

Sementara *iqta'* pula bermaksud pemerintah menjadikan sebahagian kawasan khusus untuk sebahagian individu (al-Syawkani 2004). Wahbah al-Zuhayli (1996), *iqta'* mempunyai dua maksud; Pertama, tanah terbiar dengan syarat tanah yang belum diberi milik kepada sesiapa dan diberikan secara khas kepada sebilangan orang tertentu sama ada dalam bentuk tanah atau bahan galian. Kedua, ketua negara menyewakan tanah harta milik Allah kepada sesiapa yang layak. Menurut Ridzuan Awang (1994), ia telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman khalifah.

Konsep *tahjir* pula mengikut mazhab Syafie adalah menghidupkan tanah dengan tindakan meletakkan tanda seperti kayu atau batu pada kawasan yang ingin diihya'kan (al-Ramli t.th). Ia adalah tindakan awal dalam melaksanakan *ihya'* dengan mengubah bentuk asal tanah *mawat* kepada sebuah tanah yang subur (Ibn Qudamah 1986) dalam tempoh tertentu mengikut sesetengah mazhab seperti tiga tahun dan seumpamanya (Tarikuddin 2010).

Secara ringkasnya tanah yang terbiar ini seolah-olah tiada pemilikan, tiada pembangunan dijalankan atau tanah yang terbiar begitu sahaja, tanah yang kurang strategik dan tanah yang tiada pengairan (Shahriza & Shahril 2006). Undang-undang mengenai *ihya' al-mawat* telah lama wujud dalam perundangan Malaysia tetapi bukan dengan istilah *ihya' al-mawat* (Sabree Nasri & Mohd Soppie 2018). Antara undang-undang yang diguna pakai dalam menghidupkan tanah

terbiar ialah Kanun Tanah Negara, Tanah Pemegang Adat, Tanah Rizab Melayu, Tanah Lombong, Tanah Waqaf Dan Baitulmal, dan Tanah Kesultanan. Oleh itu, dengan adanya beberapa undang-undang ini amalan pengambil alihan tanah telah berlaku dengan baik dan sejajar dengan Islam.

PERBINCANGAN

Terdapat lebih kurang 35,000 ekar tanah di Negeri Sembilan yang telah diklasifikasikan sebagai tanah adat. Ini melibatkan lebih kurang 20,458 lot yang merangkumi lebih kurang 20,346 bilangan hakmilik. Terdapat 10,309.14 hektar tanah terbiar di Negeri Sembilan merangkumi daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Seremban dan Tampin (Abd Hamid et.al 2017). Terkini, sebanyak 14,000 hektar tanah adat yang terbiar kerana beberapa aspek seperti mempunyai bilangan penama yang ramai, berada di tempat yang tidak strategic, iaitu di pendalaman dan sebagainya (Berita Harian 2019).

Nemun demikian, sebahagian tanah adat perpatih di Negeri Sembilan mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dimajukan oleh kerajaan untuk tujuan kegunaan awam. Antaranya pembangunan yang dijalankan ke atas tanah adat di Rembau oleh pihak kerajaan ialah pembangunan berkonsepkan kepada asas tani, pelebaran jalan dan yang terkini ialah pembinaan landasan keretapi berkembar menghala Seremban ke Gemas (Fazliyana Alias 2009). Pengambilan tanah adat di Kuala Pilah bertujuan menjalankan projek melebarkan jalan dari Ulu Bendol ke Tanjung Ipoh bagi laluan baru Jalan Seremban-Kuala Pilah (Berita Harian, 2006). Terkini banyak juga perancangan daripada pihak kerajaan untuk membangunkan terbiar termasuk tanah adat di seluruh Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri Sembilan merancang membangunkan Tanah Adat yang terbiar agar ianya dapat memberi manfaat kepada 'Suku' masing-masing (Faiz Abdullah 2022). Pada tahun 2022, usaha pemuliharaan tanah terbiar dirangka dengan menyediakan insentif bantuan dan pembiayaan sebanyak RM1 juta tahun ini bagi pembangunan tanah terbiar di Negeri Sembilan (Mohd Amin 2022). Kerajaan Negeri juga telah merangka Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS), 2021-2025 di setiap daerah yang juga merangkumi pembangunan Tanah Adat dan berkemungkinan mengakibatkan pengambilalihan tanah tersebut oleh pihak kerajaan (Mohd Yusof Saari 2021).

Disebabkan kedudukan tanah adat di Negeri Sembilan kurang strategik dan kebanyakan tanah adat adalah tanah sawah, tanah dusun dan tanah kampung (Dato' Muhammad Sharip Othman 2016) menjadikan tanah adat kurang diambil alih. Oleh itu, setakat ini hasil kajian Fazliyana Alias (2009) menyatakan bahawa pengambilan tanah adat hanya berlaku atas sebab untuk melebarkan jalan sahaja.

Menurut Fazliyana Alias (2009) berdasarkan kajian dan maklumat yang diperolehi sistem

pengurusan dan pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan adalah sama dengan tanah-tanah yang lain. Pentadbiran tanah adat turut diuruskan mengikut Kanun Tanah Negara 1965. Cuma perbezaannya hanyalah dari segi pemilikan dan pewarisan tanah pusaka adat yang dengan mengutamakan kaum perempuan sebelah ibu (Muhammad Aunurrochim et al. 2017). Enakmen Tanah Adat (Pindaan) 1983 membenarkan tanah adat untuk dicagarkan kepada Pentadbir Tanah Daerah, koperasi dan institusi kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk dimajukan demi pembangunan ekonomi negara (Abd Hamid et. al. 2017).

Dari segi undang-undang Adat di Negeri Sembilan, tanah adat tidak boleh dijual, digadai atau dipindah milik oleh waris kepada ahli suku yang lain. Hal ini kerana mereka hanyalah dilantik sebagai pemegang amanah ke atas tanah adat tersebut dan bertanggungjawab hanya untuk menjaga harta tersebut daripada dijual kepada suku lain (Muhammad Aunurrochim et al. t.th). Namun, menurut Nadzan Haron (1992) menyatakan bahawa tanah adat tersebut boleh dan dibenarkan untuk dijual mengikut kepada sebab dan syarat yang telah ditentukan oleh ketua adat dan peraturan adat. Kemudian, walaupun kaum lelaki disisihkan nama daripada dicatitkan ke dalam geran tanah namun tanah adat tersebut masih memberi kelayakan kepada mereka dalam mengurus dan mengendalikan tanah tersebut (Makiah Tusaripah & Jamaliah 2016); (Muhammad Aunurrochim et al. 2017). Ianya bertujuan menjaga tanah adat daripada terbengkalai tanpa menjalankan sebarang aktiviti ke atasnya.

Namun demikian, dalam kes pengambilan tanah oleh pemerintah sudah tentu ia tidak terikat dengan undang-undang adat tersebut sebab Kanun Tanah Negara 1965 tidak membezakan tanah adat dan tanah lainnya untuk diambil oleh kerajaan jika terpaksa. Oleh itu, menurut Dato' Lembaga Adat Rembau Muhammad Sharip Othman (2016) pengambilan tanah dibenarkan kepada pihak kerajaan sekiranya diperlukan untuk menjalankan pembangunan sebagai kemudahan awam. Tetapi setiap pengambilan tanah adat itu perlu diganti semula dengan bayaran pampasan mengikut jumlah dan nilai harga tanah tersebut.

Tanggungjawab dalam memastikan tiada Tanah Adat ini terbiar adalah di bawah bidang kuasa Datuk Lembaga dan Buapak. Memandangkan tanah Adat sebenarnya adalah tanah milik Suku, maka mana-mana keluarga dari Suku yang membiarkan tanah mereka terbiar boleh diambil kembali dan diberikan kepada keluarga lain dari Suku yang sama untuk diusahakan. Ini kerana Tanah Adat bukan milik mutlak keluarga atau peribadi tetapi ianya milik Suku (Rancangan Tempatan Daerah Rembau 2025 (Penggantian)).

Dari segi pampasan, berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan 1983), penilaian pampasan terhadap Tanah Adat, Tanah Simpanan Melayu serta tanah pegangan Melayu yang telah

diambil balik oleh kerajaan untuk mana-mana projek pembangunan, maka pengambilan tanah-tanah itu akan dinilai mengikut harga pasaran setanding dengan harga tanah yang terletak di luar kawasan simpanan Melayu. Selain itu, berkenaan dengan jumlah pampasan yang dinilai untuk diserahkan kepada pemilik tanah adat telah diajukan kepada penolong pengarah tanah di Negeri Sembilan. Hasil temubual dengan penolong pengarah tanah Negeri Sembilan, Muzaiyah Mazlan (2019), beliau menyatakan “*Seperti mana proses pengambilan tanah, pampasan tanah bagi tanah adat dinilai mengikut prinsip-prinsip dalam Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960*”.

Penerima wang pampasan dalam pengambilan tanah adat mestilah diterima oleh pemilik tanah adat iaitu kaum perempuan yang bertanggungjawab sebagai pemegang amanah ke atas tanah adat tersebut (Mohd Rosli 2019). Sekiranya dalam pemilikan tanah adat tersebut mempunyai adik lelaki dan adik perempuan, kemudian tanah adat tersebut diambil alih oleh kerajaan pemilik tanah yang terdiri daripada kaum perempuan akan mewakili diri bagi menerima wang pampasan tersebut. Selain itu, menurut Datuk Muhammad Sharip Othman (2016) dalam isu pembinaan KTMB Rembau, tanah adat yang diambil oleh kerajaan tidak diganti semula dengan tanah yang lain tetapi pampasan atau ganti rugi dibayar dengan sejumlah wang pampasan.

Dalam Islam, tanah mempunyai kepentingan kepada manusia serta potensi yang tinggi untuk dimajukan. Sekiranya tanah tidak diusahakan akan memberi kesan negatif kepada kehidupan manusia, ekonomi dan negara. Oleh itu, pengambilan tanah adat oleh kerajaan tidak bertentangan dengan hukum Islam. Ini kerana tujuannya sama, iaitu kegunaan dan manfaat masyarakat umum. Ia juga sejajar dengan konsep *ihya' al-mawat* yang telah diamalkan semenjak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Konsep ini boleh membantu pembangunan ekonomi negara di samping dapat membantu memberi peluang kepada masyarakat untuk menjana pendapatan mereka.

Dalam Islam, pengambil alihan tanah walaupun secara paksaan dibenarkan sekiranya terdapat kepentingan atau *masalah ammah* (Ridzuan Awang (1994). Ia diharuskan berdasarkan amalan Rasulullah SAW, khulafa' al-Rasyidin dan amalan para sahabat. Kebanyakan pengambilan balik tanah yang dilaksanakan oleh zaman pemerintahan Islam adalah dengan tujuan untuk mendirikan masjid al-Haram di Mekah serta masjid Nabawi di Madinah (Wafaa' Yusof et al. 2010). *Maslahah ammah* ialah masalah dimana kepentingannya kembali kepada keseluruhan masyarakat (al-Suyuti 1983). Oleh itu, amalan pengambilalihan tanah turut dijalankan di Malaysia. Tujuan utama pengambilan berlaku adalah untuk kepentingan serta memberikan kemudahan kepada masyarakat umum.

Pengambilan tanah juga dibolehkan berdasarkan kaedah fiqh iaitu ‘kemudaratan dihilangkan’ (Wafaa’

yusof et al. 2008). Kaedah fiqh ini terpakai apabila timbul dua kemudaratan iaitu sama ada kemudaratan yang khusus serta kemudaratan yang umum, maka kemudaratan yang khusus tersebut hendaklah terlebih dahulu diutamakan dengan menghapuskan kemudaratan umum tersebut. Menurut Ibn Nujaym (1968) peraturan ini berdasarkan kepada kaedah 'ditanggung kemudaratan khusus untuk menolak kemudaratan umum'.

Dengan menggunakan hujah amalan Nabi SAW dan kaedah fihiyyah serta amalan para sahabat, pengambilan tanah diharuskan. Namun demikian, menurut Ridzuan Awang (1994) pengambilan balik tanah boleh dilaksanakan asalkan selepas berlakunya pengambilan balik tanah tersebut pihak kerajaan atau mana-mana pihak bertanggungjawab perlu menjelaskan bayaran pampasan kepada pemilik tanah tersebut. Hal ini bagi menjaga keadilan hak saksama peroleh antara pihak kerajaan serta pemilik tanah.

Dari segi hukum adat, pengambilan tanah adat memerlukan persetujuan daripada Dato' Lembaga dan ahli waris suku yang lain. Situasi ini menjadikan tempoh masa pengambilan tanah adat memakan masa yang agak lama (Fakhrullah 2019). Namun begitu, prosedurnya masih tetap berlandaskan kepada hukum Islam. Oleh itu, penglibatan masyarakat dalam menghidupkan tanah juga amatlah digalakkan. Walaupun kedudukan tanah adat yang kurang strategik menjadikan pihak kerajaan kurang berminat pengambil alihan ke atasnya namun inisiatif daripada kerajaan diperlukan dengan menyediakan peluang dan sumbangan dana sebagai galakkan kepada pemilik-pemilik tanah. Sharip Othman (2016) tanah adat kebanyakannya sesuai digunakan sebagai tanah pertanian dan amalan bertani.

Tanah adat yang terbiar juga akan menyebabkan sistem ekonomi negara khususnya di Negeri Sembilan kerana berlaku pembaziran. Lebih-lebih lagi jika berlaku penghijrahan ahli waris kaum wanita ke negeri luar menyebabkan kesukaran bagi mencari dan mengesan semula ahli waris ke atas tanah tersebut. Ini juga akan menyebabkan tanah tersebut terbiar. Pihak kerajaan juga sukar untuk masuk campur dalam mengusahakan tanah tersebut kerana ia merupakan tanah adat milik suku tersebut (Sulaiman Kadimi 1997). Namun demikian, jika terpaksa demi kemaslahatan, kerajaan mempunyai kuasa untuk mengambil alih tanah tersebut. Tambahan pula pembukaan dan pembangunan tanah terletak di bawah perbadanan kerajaan. Kerjasama daripada kesemua pihak seperti pemilik, pengusaha, ketua adat dan pegawai tanah yang terlibat perlu bersama-sama menjalankan tugas dan peranan tanggungjawab masing-masing dalam membantu pembangunan tanah adat terbiar dijalankan dengan mudah, adil dan saksama. Serta pembayaran pampasan yang setimpal haruslah dibayar kepada pemilik tanah adat mengikut harga nilai tanah yang berpatutan serta dibayar tepat pada waktunya.

Justeru, pengambilan tanah adat yang sepatutnya tidak boleh tetapi demi kemaslahatan, kerajaan

mempunyai kuasa untuk melakukannya sama ada dengan menghidupkan, membangunkan atau menukarkannya kepada sebarang bentuk sekalipun asalkan pemerintah ada justifikasi tertentu.

KESIMPULAN

Pemakaian adat perpatih terhadap tanah adat tidak sepatutnya menjadi halangan kepada kemajuan serta pembangunan tanah tersebut. Pembangunan tanah adat tetap boleh diteruskan tanpa merosakkan amalan adat perpatih di Negeri Sembilan khususnya. Oleh itu usaha daripada pelbagai pihak seperti pemilik tanah, pihak pemaju, Pihak Berkuasa Negeri serta Dato' Lembaga adat diperlukan perbincangan bersama bagi membantu melicinkan urusan membangunkan tanah adat daripada terbiar sahaja. Dengan hasil perbincangan yang baik serta usaha sama yang diberikan harap dapat membantu meningkatkan aktiviti pembangunan tanah adat.

Oleh itu, pandangan bahawa tanah adat yang mempunyai potensi dan peluang yang besar untuk dimajukan perlu diusahakan walaupun dengan campur tangan pihak pemerintah. Konsep pelupusan tanah dalam undang-undang Islam seperti *iqta'*, *tahjir dan ihya' al-mawat* boleh dilaksanakan juga ke atas tanah adat perpatih. Sekiranya tanah yang dimiliki itu tidak diusahakan, pemilik tanah tidak berhak ke atas tanah tersebut dan pemerintah berkuasa memberikan tanah tersebut kepada orang lain untuk dimajukan. Dengan ini, jelaslah bahawa pengambilalihan tanah oleh pihak kerajaan bagi projek atau aktiviti adalah sangat digalakkan dan ia tidak bertentangan dengan hukum Islam.

RUJUKAN

al-Quran

- Abd Hamid Abd Murad & YM Raja Raziff & Resali Muda. 2017. *Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan: HalaTuju dan Cabaran*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. USIM, Nilai Negeri Sembilan: Fakulti Syariah dan Undang-undang.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash^oath. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Risalah al-^oIlmiyyah.
- Akta Pengambilan Tanah 1960*. Kaedah-Kaedah Dan Perintah-Perintah Dan Ordinan Pengambilan Tanah (Pampasan) Peruntukan Khas 1948. International Law Book Services.
- Azima Abdul Manaf. 2006. *Masalah dan Cabaran Tanah Adat Minang di Dunia Melayu Malaysia dan Indonesia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Azzal Abu Talib. 1992. *Sistem Bersuku Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan Kajian kes: Luak Inas*. Universiti Kebangsaan Malaysia:

- Jabatan Persuratan Melayu. Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan.
- BERNAMA. 2017. *N. Sembilan Mahu Semua Tanah Terbiar* *Diusahakan*. <https://www.mynewshub.tv/terkini/negeri-sembilan-mahu-semua-tanah-terbiar-diusahakan/>, Jun 2017.
- Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan)1960*. International Law Book Services.
- Enakmen Pegangan Adat bab 215*. International Law Book Services.
- Faiz Abdullah. 2022. Aminuddin mahu Tanah Adat terbiar dimajukan. <https://negerikita.org/aminuddin-mahu-tanah-adat-terbiar-dimajukan/>
- Fazliyana Alias. 2009. *Kajian Terhadap pembangunan Tanah Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Kertas penyelidikan Jabatan penilaian dan perkhidmatan harta Negeri Sembilan.
- Ibn Nujaym, Zayn al-`Ābidīn Ibn Ibrāhīm. 1968. *al-Asybah wa al-Nazā'ir `ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu`man*. Kaherah: Muassasah al-Halabī.
- Ibn Qudamah, Muhammad Abdullah bin Ahmad. 1986. *al-Mughni*. Jeddah: Dar Alim al-Kutub.
- Izawati Wook, Nawal Sholehuddin, Norfadhilah Che Amani et.al, 2017. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Undang-undang, Perlaksanaan dan Realiti. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Volume 5 (khas) 2017, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan. (2010). *Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/1986 Peruntukan-peruntukan Baru Dalam Akta Pengambilan Tanah 1960*. Putrajaya: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. <file:///C:/Users/user/Downloads/PKPTG%201986-3.pdf>
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 2016. *Pewarisan Tanah Adat, Kebenaran Pelaksanaannya Menurut Islam*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan
- Khalid Bonget et.al. 2010. *Adat Perpatih A Timeless Beauty*. Green Clover Sdn Bhd
- Lembaga adat Rembau Muhammad Sharip Othman. 2016. Kedudukan Melayu ditahan pembesar memerintah Negeri Sembilan. Faridz Ridwanz 7 Februari 2016. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2016/02/07/kedudukan-melayu-dipertahankan-pembesar-memerintah-negeri-sembilan/>.
- Majallah al-Ahkam al-Adiliyyah*. 1302H. Beirut: al-Matba'ah al-Adabiyyah.
- Makiah Tusaripah & Jamaliah. 2016. *Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Pusat pemikiran dan kefahaman Islam (CITU). Fakulti Sains Komputer dan Matematik. Universiti Teknologi Mara Cawangan Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Mohd Amin Jalil. 2022. Negeri Sembilan komited majukan tanah terbiar. Dlm. *Berita Harian*. Mei 20, 2022. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2022/05/957515/negeri-sembilan-komited-majukan-tanah-terbiar>
- Mohd Yusof Saari. 2021. RPNS Bakal Memandu Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2021-2025. *Astro Awani*. November 27, 2021. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rpns-bakal-memandu-pembangunan-ekonomi-negeri-sembilan-20212025-333195>
- Mohd Sobrie Nasri & Mohd Sopiee. 2018. Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-Undang di Malaysia. *Journal of Law and Governance*. <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JLG/article/view/270>.
- Mualimin Mochamad Sahid. 2017. *Pembangunan Model Adat Perpatih Patuh Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. NAM Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Aunurrochim, Mohd Nasir, Abdul Majid. 2017. *Pewarisan Tanah Adat/Ulayat di Indonesia dan Malaysia dalam Adat Perpatih : Satu Tinjauan Syarak*. Universiti Sains Islam Malaysia: Fakulti Syariah dan Undang-undang.
- Muhammad Fakhruallah Bin Mohd Radi 2019. *Implementasi Pengurusan Tanah Adat Di Negeri Sembilan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Madkur, Muhammad Salam.1969. *al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Muzaiyah Mazlan. 2019. Ketua Jabatan Tanah Adat dan Perpatih di Negeri Sembilan. (Temu bual)
- Nabilah Yusof, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin, et al. 2015. Amalan Pewarisan Tanah Adat Berdasarkan Undang-Undang Tanah Adat Di Kalangan Masyarakat: Kajian Di Negeri Sembilan. Dlm. *International Seminar on Syariah and Common Law (ISCOL)*, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Nadzan Haron. 1992. Pelaksanaan peraturan adat dalam sistem pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies (JEBAT)*. Jil. 20. Hlm. 43-55.
- Noor 'Ashikin Hamid, Noraida Harun & Nazli Ismail. 2011. Pengambilan Tanah bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat (JUUM)*. Jil. 15. Hlm. 135-148.
- Nor Halim Hj Ibrahim.1990. *Tanah Adat Terbiar Di Zaman Pembangunan*. Selangor: Univeristi Putra Malaysia, Serdang.

- Othman Ishak. 1982. *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Rancangan Tempatan Daerah Rembau 2025 (Penggantian). T. Th. http://mdr.gov.my/sites/default/files/jilid_3_-_pengurusan_dan_pelaksanaan.pdf
- Ridzuan Awang. 1994. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Rosiswandy Salleh. t.th. *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. , Negeri Sembilan Muzium Adat Jelebu.
- Roslan Ismail 2000. *Pengenalan Kepada Akta Pengambilan Tanah 1960*.
- Shahriza & Shahril 2006. *Asas Pengurusan Harta Tanah*. Kedah: Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- al-Shalabi, Ali Muhammad. 2010. *Amirul Mukminin Umar Bin Khattab: Kepimpinan Dan Kewibawaanya*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- al-Suyuti, °Abd Rahman ibn Abi Bakr ibn Muḥammad.1983. *al-Ashbah wa al-Naza`i fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyah*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Sulaiman bin Kadimi, 1997. *Tanah Adat Negeri Sembilan Permasalahan dan Cabaran*. Seminar tertutup pemantapan nilai Islam dalam sistem adat perpatih, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri dan Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Tarikuddin Hassan. 2010. *Sejarah Empat Khalifah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Wafaa' Yusof, Mohd Zamro Muda & Khairina Sabang. 2008. Pengambilan Tanah Oleh Kerajaan Menurut Perspektif Islam dan Sivil. Dlm. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf* 2008. UKM : Jabatan Syariah. hlm. 263-279.
- Wahbah al-Zuhaili 1996. *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid 5, Dr Ahmad Shahbari Salamon (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KANDUNGAN / CONTENTS

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam <i>Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective</i> Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad	1-10
Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia <i>Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account</i> Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff	11-18
Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam <i>Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia</i> Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff	19-27
Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berasaskan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah <i>The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah</i> Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	28-42
Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia <i>The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff	43-53
Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor	54-65
Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'iyyah <i>Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari'iyyah</i> Sofiyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar	66-72
Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia <i>Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia</i> Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai	73-85
Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah <i>Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah</i> Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis	86-93
Maqasid Syariah Dalam Kecharusan Hibah Ruqba <i>Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba</i> Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said	94-105

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 7(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.